

Umrah

Pengertian Umrah

Mengunjungi Baitullah Al-Haram kerana tujuan beribadat, pada sebarang masa disepanjang tahun

Hukumnya: Adalah wajib fardu 'ain, seumur hidup sekali. Di fardukan keatas tiap muslim lelaki dan perempuan. Sesuai dengan firman Allah

“Sempurnakan haji dan umrah kerana Allah.”

Hadis Rasulullah Berhubung Umrah

“Umrah di bulan Ramadhan, disamakan pahala dengan haji.”

(hadis riwayat: Ahmad dan Ibnu Majah)

“Umrah ke umrah menjadi kafarat bagi dosa yang diantara keduanya, haji yang mabrur, tiada lain balasannya kecuali syurga.”

(hadis riwayat: Bukhari dan Muslim)

Masa Mengerjakan Umrah

Boleh dikerjakan sepanjang tahun sama ada dalam bulan-bulan haji atau diluar bulan-bulan haji

Rukun-Rukun Umrah ada lima dan salah satu darinya:

Berniat ihram umrah: Memakai dan berniat umrah, boleh dilakukan opada bila-bila masa. Ini kerana miqat zamani (*masa*) bagi umrah ialah sepanjang tahun. Miqat makani (*tempat*), sama dengan ibadat haji. Kecuali bagi orang-orang yang sudah berada di Makkah, miqat makaninya ialah di Tanah Halal. Misalnya di Ja'ranah, Tan'iim dll.

Lafaz Niat Ihram Umrah

Lafaz Niatnya

Nawaitul umrata wa ahramtu bihaa lillahi ta'ala

Maksudnya:


Sahaja aku berniat umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Ta'ala.

2. Tawaf


Pengertian Tawaf

Tawaf ialah berjalan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh pusingan, yang dilakukan didalam Masjidil Haram di Makkah. Ia dimulai dari Rukun Hajar Aswad dan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan

Tempat Permulaan Tawaf – Rukun Hajar Aswad



Ka'bah Dan Ruangan Tawaf



Lafaz Niat Tawaf Umrah

Lafaznya:

Nawaitu an atuufa tawaafal umrati sab'ata asywaatin
lillahi ta'ala


Maksudnya:

Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf umrah tujuh
pusingan kerana Allah Ta'ala

3. Pengertian Sa'ie

Sa'ie ialah berjalan berulang alik di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh perjalanan. Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah menurut peraturan dan syarat-syarat yang telah ditentukan

Gambar Grafik Mas'aa (Tempat Bersa'ie)



Lafaz Niat Sa'ie Umrah

Allah-humma in-nii uriidu an as-'aa bainas Safa wal Marwati sab'a asywaatin sa'yal umrah lillahi ta'aala

Maksudnya:

Ya Allah, aku hendak mengerjakan sa'ie antara Safa dan Marwah tujuh kali, sa'ie umrah kerana Allah.

Gambar Jamaah Sedang Mengerjakan Sa'ie Di Mas'aa



4. Tahallul


Pengertian Tahallul

Tahallul ialah melepaskan diri daripada pantang larang dalam masa berhram haji atau umrah



Untuk keluar daripada ihram haji atau umrah, hendaklah seseorang itu menggugurkan rambut di kepala dengan bercukur atau bergunting kerana bertahallul

Grafik Tahallul Dan Bergunting

Boleh cukur pendek



Boleh cukur gundul



Boleh potong merata ± 2 cm.



Boleh potong ujungnya ± 2 cm

Gambar Bertahallul



Wajib-Wajib Umrah

Jika salah satu dari wajib umrah tidak dikerjakan, ibadah umrahnya masih sah. Tetapi dikenakan dam. Wajib-wajib umrah ialah dua:

1. Niat ihram di Miqat
2. Meninggalkan larangan-larangan ihram